

Buletin Al - Insyad

EDISI 8 | SEPTEMBER 2019 | ZULHIJAH 1440
UNIT PENDIDIKAN ISLAM & MORAL, JPA , PTSS



**Didik Jiwa Hamba
Muhasabah Diri,
Insafi Dosa**



Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, 2018

Hak Cipta Terpelihara. Tiada mana – mana bahagian daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disiarkan dengan apa cara sekalipun termasuk elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat izin dari penerbit

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan- dalam –Penerbitan

Ilustrasi : sumber google

Diterbitkan oleh :

Unit Pendidikan Islam dan Moral

Jabatan Pengajian Am,

Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin,

Pauh Putra,

02600 Arau,

Perlis

Sidang Redaksi

Penaung I

En. Abdul Malek Bin Hassan

Penaung II

Puan Roseliza Binti Dato' Shaari

Penasihat I

En. Razak Bin Nordin

Penasihat II

Puan Zuraiha Binti Mohd Zain

Editor

Norhafizah Binti Mohd Ghazali

Ainul Farhaan Harun

Sub Editor / Prof

Anis Nadya Binti Che Ahmad

(Artikel Bahasa Inggeris)

Konsep dan *Layout* Buletin

Ainul Farhaan Binti Harun

Norhafizah Binti Mohd Ghazali

KUPASAN MENARIK

MARAH DULU KE DOA DULU?

Bertanya kepada diri sendiri... Setakat ini sudah berapa kalikah kita telah berdoa 'secara tepat' untuk anak-anak. Menyebutkan satu persatu secara jelas kepada Allah SWT apa yang kita mahukan untuk anak-anak. Mengemukakan senarai panjang kepada Allah SWT apa yang dihajatkan untuk kebaikan dunia dan akhirat anak-anak.

Oleh : Razak Bin Nordin
Ketua Jabatan Pengajian Am
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

CONCEPT OF R.E.Z.E.K.I

It is also important to note that *rezeki* comes in many forms, so having good health is *rezeki*, having a good companion is *rezeki* but of course the most commonly talked about and the most everyone worried about is the *rezeki* of wealth.

Oleh : Nor Ashikin Binti Mohd Isa
Pensyarah Jabatan Perdagangan
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

BERADABKAH AKU?

Etika sangat penting kerana ia mencerminkan seorang muslim yang santun dalam berbagai hal mulai dari tutur kata dalam memilih bahasa saat berbicara, bertegur sapa, berpakaian, berinteraksi bergaul dengan rakan maupun pelanggan, makan, minum, berhadapan dengan pelajar dan kegiatan lainnya.

Oleh : Sharipah Khadijah Binti S. Hashim
Pensyarah Jabatan Perdagangan
Politeknik Seberang Perai

ALLAH MAHA PENYAYANG: JALAN TAUBAT LUAS TERBENTANG

Kasih sayang Allah diberikan secara umum kepada seluruh makhluk-Nya tanpa terkecuali.. Pintu taubat selalu terbuka seluas-luasnya. Dari pintu hembusan rahmat, kelembutan dan kenikmatan kasih sayang Allah tidak terhitung banyaknya

Oleh : Azirah Binti Seman
Pensyarah Unit Pendidikan Islam & Moral, JPA
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

MANUSIA, DOA & KEAMPUNAN

Sebagai seorang muslim yang beriman kepada Allah SWT, apabila tersilap dan terjatuh ke dalam kancuh dosa, maka janganlah berputus asa dengan rahmat Allah. Bersegeralah untuk memohon keampunan Allah SWT.

Oleh : Mohd Hanafi Bin Jusoh
Pensyarah Unit Pendidikan Islam & Moral, JPA
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

KUASA ISTIGHFAR

Setiap manusia tidak terlepas dari melakukan dosa. Maka dengan beristighfar iaitu memohon ampun dan meninggalkan dosa tersebut, Allah SWT akan memberi pengampunan kerana Dia Maha Pengampun.

Oleh : Solhal Huda Binti Sahidan
Pensyarah Unit Pendidikan Islam & Moral, JPA
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

INSAFI DIRI SAAT DIUJI

Fitrah sebuah kehidupan... Kita akan menghadapi pelbagai ujian daripada Allah SWT. Kadang-kadang bertimpa-timpa tanpa henti sehingga kita berasa amat penat dan tertekan untuk menghadapi ujian demi ujian dalam kehidupan. Lalu kita pun terfikir.. Kenapa kita diuji?

Oleh : Norzira Binti Ahmad
Pensyarah Unit Pendidikan Islam & Moral , JPA
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

LANGKAH SERIBU MAKNA

Catatan perjalanan kali ini sangat memberi makna dan lembaran keinsafan agar terus mendidik jiwa untuk bersyukur dengan segala nikmat yang Allah berikan. Sifat *qanaah* perlu ditanam agar sifat seorang hamba sentiasa mekar dalam jiwa.

Oleh : Ainul Farhaan Binti Harun
Pensyarah Unit Pendidikan Islam & Moral, JPA
Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin

GALERI AKTIVITI UPIM, JPA

Corat – coret dan album aktiviti Unit Pendidikan Islam dan Moral (UPIM) JPA, PTSS. Pelbagai aktiviti ilmiah dan kerohanian sepanjang tahun 2019.

MARAH DULU KE DOA DULU?

Razak Bin Nordin

Saya mula merasai getarannya.

Realiti dan cabaran dalam membesar serta mendidik anak-anak. Tunas-tunas harapan agama, bangsa dan negara bahkan dunia pada masa hadapan. Kalau boleh, biarlah semua mengikut acuan kita sesuai dengan kehendak Allah dan Rasul-Nya.

Cemerlang di dunia, cemerlang di akhirat. Fardhu ain cemerlang, fardhu kifayah juga cemerlang.

Itulah 'ideal'nya. Seimbang, bahasa orang sekarang. Seiring dan sejalan dalam menuju dua destinasi cemerlang itu.

Barangsiapa yang berkehendakkan dunia, maka hendaklah dengan ilmu. Barangsiapa yang berkehendakkan akhirat, maka hendaklah dengan ilmu. Dan barangsiapa yang berkehendakkan kedua-duanya, maka hendaklah dengan ilmu. Ini pula antara pesan Rasul Junjungan.



“BARANGSIAPA YANG BERKEHENDAKKAN DUNIA, MAKA HENDAKLAH DENGAN ILMU. BARANGSIAPA YANG BERKEHENDAKAN AKHIRAT, MAKA HENDAKLAH DENGAN ILMU. DAN.. BARANGSIAPA YANG BERKEHENDAKKAN KEDUA – DUANYA, MAKA HENDAKLAH DENGAN ILMU “


Tapi jalan untuk mencapainya tidaklah semudah congak-congakkan. Kalau begini mesti jadi begini. Kalau begitu akan jadi begitu.

Kalau silap percaturan, yang dikejar taklah dapat, yang dikendong bercirikan pula. Itu barangkali bukan impian seorang bapa dan ibu yang waras.

Tapi itu semua, bukan kerja kita sepenuhnya. Campur tangan Allah jangan dilupa. Dicampurkan dengan sedikit sebanyak tekanan dari dalam dan luar diri, kita (baca: saya) adakalanya menjadi cepat marah dan tertekan dalam membimbing dan mendidik anak-anak. Walaupun kita bukan Tuhan, tetapi yang kita selalu mahukan adalah 'Kun Fa Yakun'. Kata jadi, maka jadilah.

Dan apabila tidak menjadi seperti yang dikehendaki, kita menjadi marah dan tertekan. Dan sedikit sebanyak anak-anak akan kenalah sebiji dua. Habuan lepaskan geram. Marah pun cepat, nanti menyesal pun cepat juga. Lalu Allah memberikan ilham. Siapa yang bersalah? Perlukah mencari jawapan?

Malam semalam tiba-tiba Allah SWT membuka pintu hati saya. Memberi ilham kepada saya untuk 'duduk sebentar' melihat di mana betul salahnya tindakan yang 'bukan selalu' saya lakukan itu.



Orang yang tidak berdo'a kepadaNYa itulah orang yang SOMBONG

Bertanya kepada diri sendiri. Setakat ini sudah berapa kalikah kita telah berdo'a 'secara tepat' untuk anak-anak. Menyebutkan satu persatu secara jelas kepada Allah SWT apa yang kita mahukan untuk anak-anak. Mengemukakan senarai panjang kepada Allah SWT apa yang dihajatkan untuk kebaikan dunia dan akhirat anak-anak. Sedangkan kita tahu bahawa Allah SWT tidak akan pernah jemu-jemu untuk selalu menerima senarai-senarai panjang dari hamba-hambaNya.

Orang yang tidak berdo'a kepada-Nya, itulah orang-orang yang sombong. Itu ingatan Allah. Yang mungkin ada, doanya hanya secara umum sahaja. Atau tiada langsung. Doa hanya untuk diri sendiri. Lalu kita memilih untuk marah-marah apabila anak-anak tidak seperti yang kita harapkan. Patutkah kita?

Usaha yang seiring dengan doa atau doa yang seiring dengan usaha, bukan asbab untuk kita berhujah mana yang patut lebih dahulu. Berjalanlah seiring, mudah-mudahan hidup ini selalu diberkati mengikut acuan Allah. Selepas berazam, maka bertawakkallah kepada Allah SWT. Berdoalah Abi dan Umie, untuk anak-anak mu! Lepas tu marahlah berpada-pada. Selayaknya. Kerana engkau juga pernah seusia mereka! Moga-moga Allah membuka jalan-jalanNya.





BERADABKAH AKU?

Puan Sharipah Khadijah Binti S.Hashim

“Ada tika masanya jantungku seakan terhenti, fikiranku di awangan, mulutku kelu, pandanganku kabur. Apakah yang aku fikirkan? Hmmm.... terlalu banyak yang ku fikirkan.” Aisyah, seorang pendidik muda seringkali bertanya pada dirinya....

“Sungguh, Islam telah mengajarkan akhlak-akhlak yang mulia dalam kehidupan seharian, tidak terkecuali ketika bekerja. Seharusnya, sebagai pekerja aku perlu berhias dengan sifat-sifat mulia ketika melakukan pekerjaan. Apa saja adab yang seharusnya ada padaku?”; keluh hati Aisyah lagi.

Teguhkan integriti

“**Sepenuh hatikah pekerjaanku?** Sungguh, agama kita yang mulia menganjurkan agar setiap orang yang bekerja untuk membaguskan pekerjaannya. Aku perlu bekerja dengan tekun dan bersungguh-sungguh, kerana dari situ dilihat betapa matang dan profesionalnya pekerjaan yang kulakukan. Jangan sesekali ku hadir bekerja lewat tanpa alasan, usah ku tangguh-tangguh kerja yang diamanahkan kerana sesungguhnya Allah SWT mencintai hambaNya yang apabila bekerja akan menyempurnakan pekerjaannya tanpa ditunda-tunda.”

Kukuhkan semangat

“**Kuatkah aku?** Kuatkan badan dan hatiku dalam mengerjakan pekerjaan yang wajib diselesaikan. Kuatkan fikiranku, kentalkah fokusku bagi menyelesaikan segala kesulitan dalam melaksanakan pekerjaan.”

Ikhhlaskan niat

“**Ikhhlaskah aku?** Aku sedar, ikhlas adalah asas sangat penting dalam bekerja. Ia harus menjadi pendorongku yang sangat kuat agar aku dapat menunaikan pekerjaan dengan baik. Dengan keikhlasan, aku sebagai seorang pekerja akan selain merasa diawasi, bekerja dengan maksimum dan hasil pekerjaan menjadi cemerlang. Aku perlu niatkan ikhlas kerana Allah SWT dan yakin setiap pekerjaan adalah ibadah yang harus diniatkan semata-mata kerana mengharap redha dari Allah SWT.

Pupuk jiwa murni

“**Amanahkah aku?** Aku tahu, sifat amanah bagi seorang pekerja meliputi perhatian terhadap waktu pekerjaan, menjauhi tipu-menipu dalam bekerja dan tidak seharusnya memanfaatkan waktu kerja untuk kepentingan peribadi. Kejujuran dan amanah seharusnya dilakukan bukan hanya di hadapan Allah SWT malahan di hadapan sesama manusia jua. Keredhaan dan kepercayaan setiap individu bergantung kepada kepercayaan dan kepuasan semua pihak dengan menjadi pekerja yang jujur dan amanah.”

Bina jati diri

“Patuhkah aku? Sungguh, peraturan dan undang-undang yang dibuat dalam lingkungan kerja adalah untuk dipatuhi dan bukan untuk dilanggar. Aku perlu mematuhi peraturan dalam bekerja meliputi aturan waktu bekerja dan taat kepada pihak atasan. Aku perlu hadir bekerja tepat waktu tidak terlambat, justeru jua tidak pulang sebelum waktunya. Mematuhi waktu bekerja yang telah ditetapkan, sehingga tidak istirahat sebelum waktunya. Segala arahan pihak atasan dijalankan dengan patuh dan bertanggungjawab.”

Cermin diri, hiasi peribadi

“Tunaikah kewajipan agamaku? Bagaimanakah solatku? Ketika azan telah berkumandang, harus aku bersegeralah untuk menyambut seruan solat. Jangan sekali-kali meninggalkan solat hanya kerana terlalu sibuk dengan pekerjaan yang tiada penghujungnya. Solat adalah tiang agama, cukup itu meyakinkan keimanan dalam diriku”


Simpulan bisikan hati Aisyah akhirnya: “Aku perlu memahami dan menerapkan etika sebagai seorang muslim. Islam adalah agama yang memiliki etika dan adab yang sangat menjunjung tinggi kesopanan maupun kehormatan seseorang. Dalam bekerja, etika sangat penting dilakukan agar dalam bekerja kita mencerminkan seorang muslim yang santun dalam berbagai hal mulai dari tutur kata dalam memilih bahasa saat berbicara, bertegur sapa, berpakaian, berinteraksi bergaul dengan rakan maupun pelanggan, makan, minum, berhadapan dengan pelajar dan kegiatan lainnya. Etika ataupun akhlak yang diterapkan ini ku yakin mampu menerapkan dalam pekerjaan suatu kewujudan dari kesempurnaan iman seorang mu’min. Sesungguhnya Rasulullah SAW mengatakan dalam sebuah hadis, orang mu’min yang paling sempurna imannya adalah mereka yang paling baik akhlaknya.”

Aamiin Ya Rabbal Al-amiin.



“Hendaklah ADAB SOPAN SANTUN anak-anak itu dibentuk sejak dari kecil kerana mereka belum dirosakkan oleh adat kebiasaan yang sukar ditinggalkan”

-Hamka-



Etika sangat penting kerana ia mencerminkan seorang muslim yang santun dalam berbagai hal mulai dari tutur kata dalam memilih bahasa saat berbicara, bertegur sapa, berpakaian, berinteraksi bergaul dengan rakan maupun pelanggan, makan, minum, berhadapan dengan pelajar dan kegiatan lainnya.



MANUSIA, DOSA DAN KEAMPUNAN

Mohd Hanafi Bin Jusoh

DOSA adalah perkara yang dibenci dan dicela dalam agama. Bahkan dosa menyebabkan manusia akan menghadapi masalah apabila berada di akhirat kelak. Oleh yang demikian, sebagai muslim kita tidak patut melakukan dosa bahkan berusaha sekuat mungkin untuk mengelakkan diri dari terjerumus ke dalam kancah dosa.

Manusia itu lemah...

Namun begitu, untuk menjadi seorang muslim tidak disyaratkan seseorang itu mestilah bersih daripada dosa. Ini kerana manusia adalah makhluk yang lemah dan sering kali terlupa, alpa serta lalai sehingga terkadang mereka terjebak dalam kancah dosa samada secara sedar atau pun tidak, sengaja atau pun sebaliknya. Sebagaimana firman Allah **"...Dan manusia itu dicipta dalam keadaan lemah"** (Surah An-Nisa': 28).

Walaupun kebanyakan ahli tafsir menafsirkan lemah di sini dengan maksud sifat lelaki yang tidak kuat menahan godaan wanita, namun al-Imam Ibnul Qayyim al-Jauziyyah menegaskan bahawa kelemahan di sini mencakupi semuanya secara umum. Kelemahannya lebih dari hal ini dan lebih banyak. Manusia lemah badan, lemah kekuatan, lemah keinginan, lemah ilmu dan lemah kesabaran.

Mohonlah keampunan...

Dalam sebuah hadis Nabi SAW bersabda yang bermaksud: "Setiap anak Adam melakukan kesalahan dan sebaik-baik mereka yang melakukan kesalahan adalah mereka yang bertaubat di atas kesalahannya" (Sahih Ibnu Majah No. 4251). Di dalam sebuah hadis qudsi, nabi SAW bersabda, Allah SWT berfirman "Wahai hamba-hambaKu, sesungguhnya kamu melakukan kesalahan malam dan siang hari, dan Aku mengampuni dosa kesemuanya. Maka mintalah keampunan kepadaKu, nescaya Aku akan ampunkan". (HR: Muslim No.2208). Dalam hal ini juga, Abu Hurairah r.a. meriwayatkan bahawa nabi SAW bersabda: "Demi jiwaku yang berada di tangan-Nya, sekiranya kalian tidak melakukan dosa, Allah akan menghapuskan kalian dan mendatangkan satu kaum yang lain yang melakukan dosa, lalu mereka memohon keampunan kepada Allah, maka nescaya Allah akan mengampunkan mereka" (HR: Muslim).

Khilaf manusia...

Menyedari hakikat ini, di mana manusia sentiasa terdedah dengan dosa dan kesalahan dalam kehidupan, sedangkan dosa pula merupakan sesuatu yang sangat bermasalah di sisi tuhan. Apakah tindakan yang perlu kita lakukan apabila kita terjatuh ke dalam kancah dosa?? Bagi merungkaikan permasalahan ini marilah kita melihat bagaimana al-Quran mengkhabarkan kepada kita dua contoh makhluk yang telah melakukan kesalahan di sisi tuhan.

Kisah Adam & Hawa...

Contoh pertama yang dipaparkan di dalam al-Quran ialah apa yang telah ditunjukkan oleh bapa kita iaitu Nabi Adam a.s. apabila baginda tersalah lalu melanggar peraturan yang telah ditetapkan oleh Allah SWT setelah digoda oleh syaitan, maka baginda a.s. menyesal dan berdoa memohon keampunan kepada Allah. Sebagaimana firman Allah SWT **"Kemudian Adam menerima beberapa kalimat dari Tuhannya, maka Allah menerima taubatnya. Sesungguhnya Allah Maha Penerima taubat lagi Maha Penyayang"** (Surah Al-Baqarah: 37). Nabi Adam a.s. dan isterinya, Hawa tertunduk di hadapan Allah sambil berdoa memohon keampunan sepertimana firman-Nya **"Kedua-duanya berkata: Ya Tuhan kami, kami telah menzalimi diri kami sendiri, dan jika Engkau tidak mengampuni kami dan memberi rahmat kepada kami, nescaya kami termasuk orang-orang yang rugi"** (Surah Al-A'raf: 23). Kemudian Allah SWT pun kembali menegaskan Dia telah memberi keampunan kepada Nabi Adam a.s. sebagaimana firman-Nya **"Kemudian Tuhannya memilih dia, maka Dia menerima taubatnya dan memberinya petunjuk"** (Surah Thaha: 122).



Derhaka iblis...

Adapun iblis, setelah melakukan kesalahan kerana enggan sujud kepada Nabi Adam a.s. (sujud penghormatan, bukan sujud kehambaan) setelah diperintahkan oleh Allah SWT, mereka tidak mengakui kesalahan yang dilakukan bahkan dengan sombongnya memberi alasan mengatakan tentang kemuliaan dirinya berbanding Adam a.s. Allah SWT melakarkan kisah ini di dalam al-Quran, firman Allah **“Apakah yang menghalangimu untuk bersujud (kepada Adam) di waktu Aku menyuruhmu?” Menjawab Iblis “Aku lebih baik daripadanya: Engkau ciptakan aku dari api sedang dia Engkau ciptakan dari tanah. Firman Allah SWT: Maka turunlah kamu dari syurga itu; kerana kamu tidak sepatutnya menyombongkan diri di dalamnya, Keluarlah! Sesungguhnya kamu termasuk dalam kalangan makhluk yang hina”** (Surah Al-A’raf: 12-13).



Bertaubat...

Oleh yang demikian sebagai seorang muslim yang beriman kepada Allah SWT, apabila tersilap dan terjatuh ke dalam kancan dosa, maka janganlah berputus asa dengan rahmat Allah. Bersegeralah untuk memohon keampunan Allah SWT kerana salah satu daripada sifat yang sempurna yang ada pada Allah ialah sifat Maha Pengampun yang akan mengampuni dosa-dosa hamba-Nya yang bertaubat kepada-Nya. Berharaplah kepada Allah agar dosa yang kita lakukan diampunkan oleh-Nya. Sebagaimana firman Allah **“...Sesungguhnya Allah Maha menerima taubat, lagi Maha Penyayang”** (Surah an-Nisa’: 16).



Ayuh amalkan...

Menyedari hakikat ini, selagi usia tersisa, marilah kita memperbanyakkan istighfar dan memohon keampunan Allah setiap masa terhadap dosa yang kita lakukan. Sama ada dosa yang kita sedari atau pun tidak, terjadi secara sengaja atau pun sebaliknya. Pada masa yang sama marilah kita memperbanyakkan amalan-amalan kebaikan kerana setiap kebaikan yang dilakukan akan menghapuskan kejahatan sebagaimana firman Allah **“...Sesungguhnya perbuatan-perbuatan yang baik itu (terutama solat) menghapuskan (dosa) perbuatan-perbuatan yang buruk. Itulah peringatan bagi orang-orang yang selalu mengingati (Allah)”** (Surah Hud: 114). Begitu juga sabda Nabi SAW “Bertakwalah di mana kamu berada, ikutilah keburukan dengan kebaikan nescaya kebaikan itu menghapuskannya, dan pergaulilah sesama manusia dengan perangai yang baik”. (Riwayat Tirmidzi No. 2053).



Amalan-amalan untuk baiki diri

Memperbanyakkan istighfar

Sentiasa memohon keampunan terhadap dosa yang sengaja mahupun tidak sengaja.

Memperbanyakkan amalan-amalan kebaikan demi menghapuskan kejahatan.

Kisah derhaka iblis dilakarkan dalam Al – Quran dalam firman Allah yang bermaksud

“Apakah yang menghalangimu untuk bersujud (kepada Adam) di waktu Aku menyuruhmu?”

Menjawab Iblis “Aku lebih baik daripadanya: Engkau ciptakan aku dari api sedang dia Engkau ciptakan dari tanah.

CONCEPT OF R.E.Z.E.K.I

Nor Ashikin Binti Mohd Isa

We admit that Allah provides us all, not only to human being, but animals, the plants basically everything in the universe because He is the *Ar-Razzaq*, the provider. It is also important to note that *rezeki* comes in many forms, so having good health is *rezeki*, having a good companion is *rezeki* but of course the most commonly talked about and the most everyone worried about is the *rezeki* of wealth. It is very natural that some of us worry about money, want to have more money.

Some people think that as a muslim we do not need to have ambition to be rich or supposed to be rich. But, there is one story about 'Abd Al-Rahman ibn 'Awf r.a., who is one of the 10 sahabah of Rasulullah SAW, that guaranteed Jannah and very well known among the muslim happened to be extremely rich and the wealth that he had was not inherited in fact he came from a very poor family. The story about 'Abd Al-Rahman ibn 'Awf r.a. was happening during the story of the hijrah or migration of Muhajirin from Mecca to Medina, where Rasulullah SAW had pair the Muhajirin from Mecca with Ansar from Medina.

'Abd Al-Rahman ibn 'Awf r.a. was paired with Sa'ad ibn Rabi', who was an extremely generous Ansari.

Sa'ad ibn Rabi' told 'Abd Al-Rahman ibn 'Awf r.a., "I am the richest amongst the Ansari, so you can take half of my money, you can take half of my property, I have two wives and you also can take one of them and just tell him which one of the two that 'Abd Al-Rahman ibn 'Awf r.a. want".

This is Wow, Right? 'Abd Al-Rahman ibn 'Awf r.a., replied "*Barak allahu fee ahli wa malik*" meaning "May Allah SWT bless your family and your wealth, but he doesn't need any of that. 'Abd Al-Rahman ibn 'Awf r.a. asked Saad to show him where is the marketplace. Wondering why he asked for marketplace because he wanted to work. 'Abd Al-Rahman ibn 'Awf r.a. was not a freeloader; he could have easily taken the generous offer but he wanted to earn his own living. In a matter of days, he earned enough to get married on his own with the brick of gold, as his mahr.



So the lesson that we learned from this story are firstly, we have to be hardworking like 'Abd Al-Rahman ibn 'Awf r.a., even though he already being offered to take half of the property of Sa'ad ibn Rabi', but he willing to work by at marketplace to get his own money.

Second lesson is, if we worried about *rezeki*, stop wasting our time and energy on worrying instead use that time and energy to get to work.

Third lesson from the story of 'Abd Al-Rahman ibn 'Awf r.a. and the reason why he is blessed with his *rezeki*, is that he is not attached to his money. Meaning that he has his wealth in his hands but not in his heart. So the biggest reason why Allah kept giving him more and more and why Allah trusted him with the responsibility of all these wealth is because money did not change 'Abd Al-Rahman ibn 'Awf r.a. at all.



For example, he never for once paid to be excused from battles, he never once said to Rasulullah SAW, that he asked an excuse from fighting with his money. In fact, in battle of Uhud, he was the one of the few who stayed by the side of Rasulullah SAW and because of that he got 20 wounds on his body, so much so that he would limp for the rest of his life. He was so sincere in his charity, that even when the non-believers mocked him saying that he was showing off. Allah SWT himself revealed an ayah in the Quran to defend 'Abd Al-Rahman ibn 'Awf r.a. and the *ayah* is, "for those who criticize and ridicule the contributors amongst the believers concerning their charities, Allah will ridicule them and they will have painful punishment." (Quran 9:79). So the story of 'Abd Al-Rahman ibn 'Awf r.a. taught us that being rich or being wealth is not wrong as long as we are responsible enough with the wealth that Allah has blessed us with that we use it to benefits others.

As long as we don't have "love" of wealth in our hearts, because the only things that we should have in our hearts is only Allah. Once the love of money, or the love of the dunia takes over the love for Allah, that's when it becomes a problem and maybe that might be the reason why Allah is withholding that *rezeki* from you. So if we are worries about *rezeki*, just focus on doing the work, when we work, *insyaAllah*, Allah will certainly provide. Besides, please don't obsess or worry too much about it because as soon as we get too attached or we want something of the *dunia*, way too much, Allah might deny giving that thing to us because He know that it will keep us even further away from Him.

ALLAH ITU MAHA PENYAYANG : JALAN TAUBAT LUAS TERBENTANG

Azirah Binti Seman

Setiap manusia pasti akan melakukan kesilapan. Baik kesilapan kecil mahupun besar. Inilah hakikat seorang manusia yang penuh dengan kekurangan, kelemahan dan ketidaksempurnaan. Masalah kejiwaan dalam diri manusia sering berkait rapat dengan cara pandangan mereka terhadap dunia dan isinya. Manusia yang terlalu mementingkan dunia dalam kehidupannya akan mengetepikan rasa beriman kepada Allah SWT. Kesannya jiwa akan kosong, rasa tidak tenteram, dirinya mudah dipengaruhi anasir kejahatan dan tidak pernah puas dalam kehidupannya. Dalam Islam, keadaan ini haruslah ditangani segera. Ini kerana jika dibiarkan ia akan menjadi racun dalam kehidupan. Oleh yang demikian, ahli tasawuf meletakkan elemen taubat sebagai perkara pertama yang perlu dilakukan oleh umat manusia bagi mendekati diri kepada Allah.

Erti taubat

Menurut Husin (1994), taubat bermaksud kembali atau menyesal atas apa yang dilakukan. Dari segi istilah, taubat bererti kembali daripada apa yang tercela di sisi syarak kepada apa yang terpuji di sisi-Nya. Ia kembali taat kepada Allah setelah melakukan maksiat dan dosa sehingga kesilapan yang lalu tidak akan diulang kembali pada masa akan datang (Al-Sahmarani, 2000). Di dalam Al-Quran, terdapat sejumlah ayat yang menyeru manusia agar bertaubat kepada Allah dan mengaitkannya dengan kejayaan di dunia dan akhirat. Firman Allah:

“Hai orang yang beriman, bertaubatlah kepada Allah dengan taubat yang sebenar...”

(Surah al-Tahrim: 8)

Tujuan taubat

Allah SWT memerintahkan hamba-Nya agar sentiasa bertaubat dan bermuhasabah diri. Seseorang itu perlu melakukan penilaian terhadap dirinya sendiri. Hal ini bertujuan membetulkan akhlak dan mengislahkan diri kepada kebaikan. Muhasabah bertujuan untuk mengetahui sejauh mana perbuatan dan amalannya bertepatan dengan kehendak syarak.

Jika terdapat penyelewengan dan kecuaiian, maka segeralah bertaubat iaitu kembali kepada Allah SWT dan membetulkan hala tuju hidupnya. Allah juga memberikan harapan kepada orang yang berdosa agar tidak berputus asa dari rahmat dan kasih sayang Allah. Oleh itu, bertaubatlah apabila melakukan kesalahan serta dosa, dan disunatkan berterusan bertaubat sekalipun tidak melakukan dosa (Rohidzir, Fuad & Mohd Wahid, 2011).

Hukum bertaubat

Menurut ulama Islam, kewajipan bertaubat sangat penting. Hukum bertaubat adalah wajib bagi pendosa. Jika seseorang tidak membenarkan hukum tersebut, maka mereka diumpamakan seperti orang yang buta. Kewajipan ini haruslah dilakukan dengan segera tanpa bertangguh kerana peluang yang ada pada hari ini belum tentu ada pada keesokan harinya.

Menurut Imam al-Nawawi, apabila perbuatan dosa itu antara pendosa dengan Allah SWT maka haruslah memenuhi 3 syarat iaitu hendaklah dia menghentikan dosa tersebut, menyesal atas perbuatannya itu dan bertekad untuk tidak mengulangi lagi perbuatan dosa tersebut buat selama-lamanya (Rohidzir, Fuad & Mohd Wahid, 2011). Sesungguhnya kewajipan taubat ini bukanlah hanya untuk golongan pendosa bahkan dianjurkan kepada semua umat manusia yang taat kepada perintah Allah. Oleh itu, bersegeralah meninggalkan perbuatan keji dan berusaha untuk tidak mengulanginya kembali.

Info

ISTILAH

TAUBAT:

Kembali daripada apa yang tercela di sisi syarak kepada apa yang terpuji di sisi-Nya.

MUHASABAH:

Perbuatan menilai diri untuk membaiki diri sendiri.

ISLAH:

Usaha untuk mengembalikan sesuatu keadaan kepada keadaan yang betul, tepat dan sesuai.

Syarat taubat



Ikhlas ingin bertaubat

Taubat itu haruslah dilakukan dengan ikhlas kerana ia menjadi pendorong dan bukti kecintaan kepada Allah SWT. Segala harapan dan rasa takut ditimpa azab hendaklah disandarkan kepada-Nya. Taubat yang dilakukan adalah kerana ingin mendekati diri dengan Allah dan bukan untuk mencapai tujuan dunia yang diingini.



Menyesali dosa lalu

Menyesali dan merasa sedih atas dosa-dosa yang pernah dilakukan serta berazam bersungguh-sungguh untuk tidak akan mengulangi perbuatan tersebut. Taubat seperti ini adalah sebenar-benar taubat yang berlandaskan akidah, ilmu dan keyakinan. Pujuklah hawa nafsu agar tidak terus melakukan dosa dan maksiat.



Tekad berubah

Segeralah berhenti daripada berterusan melakukan dosa. Jika dosa itu adalah melakukan sesuatu yang diharamkan, maka segeralah meninggalkannya dan bertekadlah di dalam hati untuk tidak melakukannya lagi. Tekad yang diikrarkan hendaklah disertai dengan keazaman dan keyakinan yang tinggi untuk meninggalkan dosa dan maksiat tersebut. Taubat orang yang berterusan melakukan maksiat dan dosa adalah tidak sah. Dia seolah-olah ingin mempermainkan Allah SWT. Orang seperti ini bukan semakin dekat dengan Allah tetapi semakin jauh daripada-Nya. Taubat orang seperti ini tidak akan diterima.



Segerakan taubat

Taubat hendaklah dilakukan dengan segera. Jika ia dilakukan setelah habisnya waktu iaitu sampainya ajal, maka taubat tidak bermakna lagi dan tidak akan diterima. Oleh kerana itu, bersegeralah untuk bertaubat dan marilah mengisi sisa-sisa kehidupan kita dengan amal kebaikan. Ini kerana jika kematian menghampiri, kita pasti tidak dapat menghindari.

Kasih sayang Allah diberikan secara umum kepada seluruh makhluk-Nya tanpa terkecuali. Allah SWT yang mengutamakan sifat penyayang terhadap hamba-hambaNya haruslah menjadi contoh dalam urusan kita sesama manusia. Pintu taubat selalu terbuka seluas-luasnya. Dari pintu hembusan rahmat, kelembutan dan kenikmatan kasih sayang Allah. Taubat itu dapat menumbuhkan iman dan amal soleh yang dapat menyelamatkan kita dari kerugian dan seksaan yang berpanjangan. Peliharalah diri agar dikurniakan nikmat rezeki dan kemakmuran dunia dan akhirat. Sentiasalah berdoa agar Allah memberikan kefahaman yang jelas dan mengampunkan dosa-dosa yang telah dilakukan dan seterusnya menjadi hamba yang ikhlas beribadah kepada-Nya.

Rujukan

- Al-Sahmarani, Ascad. (2000). *Al-Tasawwuf Mansha'uhu wa Mustalahatuhu*. Lubnan: Dar AnNafa'is.
- Husin Unang. (1994). *Kamus al-Tullab Arab-Melayu*. Kuala Lumpur: Dar al-Fikr.
- Rohidzir Rais, Fuad Ismail & Mohd Wahid Abd. Hanif. (2011). *Ensiklopedia Solat*. Kuala Lumpur: Telaga Biru Sdn. Bhd.
- Sheikh Abdullah Basmeih. Disemak dan disahkan oleh Sahibul Fadhilah Datuk Haji Muhammad Noor Haji Ibrahim. (1995). *Tafsir pimpinan ar Rahman kepada pengertian al-Quran (30 juz)*. Kuala Lumpur: Darul Fikir.

KUASA ISTIGHFAR

Solhal Huda Binti Sahidan



Menjauaskan diri
dari hiruk-pikuk
kehidupan
memungkinkan kita
mendengarkan
suara Allah dengan
saksama.

“ Taubat dan taat
itu penting kerana
kita sebagai
manusia tidak akan
pernah lari dari
melakukan maksiat
dan kekhilafan ”

Sesungguhnya Allah SWT telah berfirman maksudnya: “Sehingga aku berkata (kepada mereka), “Mohonlah ampun kepada Tuhan kamu, sesungguhnya Dia adalah Maha Pengampun. (Sekiranya kamu berbuat demikian), Dia akan menghantarkan hujan lebat yang mencurah-curah kepada kamu; dan Dia akan membanyakkan harta kekayaan serta anak-pinak dan Dia akan mengadakan bagi kamu kebun-kebum tanaman serta mengadakan bagi kamu sungai-sungai (yang mengalir di dalamnya)”.

(Surah Nuh: 10-12)

Setiap manusia tidak terlepas dari melakukan dosa. Maka dengan beristighfar iaitu memohon ampun dan meninggalkan dosa tersebut, Allah SWT akan memberi pengampunan kerana Dia Maha Pengampun. Setelah bertaubat daripada dosa hendaklah kita sentiasa mentaati-Nya. Dengan hal yang demikian, menjadi asbab untuk dilimpahkan rezeki dan diberi kelapangan dalam hidup.

Imam Hasan al-Basri menganjurkan kepada orang yang mengadu masalah kepadanya supaya beristighfar. Dirwayatkan seseorang datang kepada beliau, mengadu tanahnya tidak subur, lalu jawab Hasan al-Basri: “Beristighfarlah”. Datang yang lain mengadu kemiskinan, jawab beliau: “Beristighfarlah”. Datang yang lain minta doa agar direzekikan seorang anak, jawab beliau: “Beristighfarlah”. Datang pula yang lain mengadu kebunnya kekeringan, jawab beliau: “Beristighfarlah”. Lalu ditanya Hasan al-Basri mengapa jawapannya semua sama bagi soalan yang berbeza. Katanya, “Ini bukannya pendapatku, inilah yang Nabi Nuh a.s. katakan”. Lalu beliau membaca ayat di atas.

Firman Allah SWT yang menerangkan maksud yang sama:

“Dan hendaklah kamu meminta ampun kepada Tuhan kamu (dari perbuatan syirik), kemudian hendaklah kamu bertaubat kepada-Nya, nescaya Dia akan memberi kamu nikmat kesenangan hidup yang baik (di dunia) hingga ke suatu masa yang ditetapkan, dan (di akhirat pula) Dia akan memberikan kepada setiap orang yang mempunyai kelebihan (dalam sebarang amal yang salih) akan pahala kelebihannya itu. Jika kamu berpaling (membelakangkan tiga perkara itu), maka sesungguhnya Aku bimbang kamu akan beroleh azab pada hari kiamat yang besar (huru haranya)”.

(Surah Hud: 3)

Daripada Abu Hurairah r.a., bahawa beliau mendengar Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

“Demi Allah, sesungguhnya aku beristighfar kepada Allah dan memohon ampun kepada-Nya setiap hari lebih daripada 70 kali”.

(Riwayat al-Bukhari No. 6307)

DI SAAT SULIT..

Apabila kita mengalami kesulitan hidup maka beristighfarlah

DI SAAT TIADA WANG

Apabila kita tidak mempunyai wang yang cukup beristighfarlah.

SAAT DIUJI MASALAH

Apabila kita mengalami masalah rumahtangga beristighfarlah.

SAAT DIUJI DENGAN ZURIAT

Apabila kita masih belum dikurniakan zuriat beristighfarlah.


“Istighfar tanda diri sebagai hamba yang sentiasa mendambakan keampunan Allah SWT”



KELEBIHAN ISTIGHFAR

- Diampunkan dosa (Surah Nuh: 10)
- Diturunkan hujan (Surah Nuh: 11)
- Dibanyakkan harta (Surah Nuh: 12)
- Dikurniakan zuriat keturunan (Surah Nuh: 12)
- Disuburkan tanaman (Surah Nuh: 12)
- Diberi kesenangan hidup (Surah Hud: 3)
- Diberi kekuatan (Surah Hud: 52)

Oleh itu, marilah kita banyakkan istighfar dalam mengharungi kehidupan dunia yang penuh dengan ujian dan pancaroba. Semoga dengan amalan tersebut segala kesulitan dilampirkan, segala kesempitan diluaskan dan paling utama diampunkan segala dosa.




Rujukan

Al-Quran. 2013. *Tafsir Pimpinan ar-Rahman Kepada Pengertian al-Quran 30 Juz*. Terj. Sheikh Abdullah Basmeih. Kuala Lumpur: Darulfikir.

Mohd. Asri Zainul Abidin. 2014. *Penawar Duka Pengubat Sengsara*. Selangor: Karangkrak Sdn. Bhd.

INSAFI DIRI SAAT DIUJI

Norzira Binti Ahmad



Fitrah sebuah kehidupan...kita akan menghadapi pelbagai ujian daripada Allah SWT. Kadang-kadang bertimpa-timpa tanpa henti sehingga kita berasa amat penat dan tertekan untuk menghadapi ujian demi ujian dalam kehidupan. Lalu kita pun terfikir.. Kenapa kita diuji? Adakah kerana turunnya musibah daripada Allah atau sebagai balasan dosa yang sering kita lakukan atau sebab-sebab lain yang tak terjangkau dek akal dan fikiran.



Yang menjadikan mati dan hidup, supaya Dia menguji kamu. Siapakah di antara kamu yang lebih baik amalannya. Dan Dia Maha Perkasa lagi Maha Pengampun

(Surah Al – Mulk: 2)



Firman Allah ini menunjukkan ujian merupakan tujuan kita dicipta oleh Allah SWT. Kita hidup adalah untuk diuji dengan pelbagai jenis ujian. Tujuannya adalah untuk menilai siapakah hamba-Nya yang paling sabar, redha dan baik amalannya. Selain itu, kita semua akan diuji kerana itu merupakan tujuan dan sebab kita diturunkan ke atas muka bumi ini iaitu untuk diuji agar dapat dilihat siapakah yang beriman dan siapakah yang tidak.

Oleh itu, adalah tidak layak untuk mempersoalkan kenapa Allah menguji kita dan mengaitkan ujian tersebut dengan kesalahan-kesalahan tertentu. Sedangkan realitinya para nabi dan rasul merupakan insan terpilih yang diuji dengan pelbagai ujian yang maha hebat.

Hal ini disebutkan dalam sabda Baginda Nabi iaitu :

“Para nabi kemudian yang seperti mereka dan yang seperti mereka. Diuji seorang manusia itu berdasarkan kadar agamanya, jika dia seorang yang kuat beragama maka kuatlah pula bala yang diterimanya, dan jika seseorang itu lemah agamanya maka diuji hanya pada kadar agamanya. (tambahan dalam riwayat yang lain menyebut) Tidaklah hilang bala itu pada seseorang hamba sehinggalah dia berjalan di atas tanah dengan telah terhapus segala dosa-dosanya.” (Riwayat Tirmizi No.2509 – Hasan Sahih)

Berdasarkan hadis ini setiap manusia akan diuji dengan pelbagai masalah dalam kehidupan. Ini merupakan lumrah dalam kehidupan kita. Para nabi dan rasul terlebih dahulu diuji dengan

UJIAN TANDA KUKUHNYA IMAN

Ujian merupakan penguat dan bukti kejayaan dakwah para nabi dan rasul. Oleh itu, sebagai manusia biasa siapalah kita untuk menolak dan mempertikai ujian Allah. Hal ini telah ditegaskan oleh Allah SWT secara jelas melalui Surah Al-Ankabut ayat 2:

“Apakah manusia itu mengira bahawa mereka dibiarkan (saja hidup senang-lenang) mengatakan: “Kami telah beriman”, sedangkan mereka belum lagi diuji? ”

REDHA DAN MUHASABAH DIRI

Ayat ini jelas menunjukkan bahawa setiap manusia yang beriman akan diuji oleh Allah dalam kehidupan mereka. Tidak ada manusia yang terkecuali dan terlepas daripada ujian Allah SWT. Kita perlu redha dan berusaha mencari jalan keluar daripada setiap ujian atau masalah yang kita hadapi. Ini kerana ujian yang datang pasti membawa dua tujuan iaitu rahmat dan kebinasaan. Ianya memberikan rahmat apabila manusia berjaya mengharunginya dengan keimanan dan kesabaran serta lulus pada amal dan perbuatannya sesuai dengan apa yang Allah kehendaki. Ujian seperti ini akan meninggikan kedudukan seseorang di sisi Allah SWT serta menghapuskan dosanya dan memberikan peluang kepadanya untuk mendapatkan syurga Allah SWT.

UJIAN TANDA KASIH

Sabda Nabi SAW:

“Apabila Allah mencintai sesuatu kaum maka Dia akan menguji mereka.” (Riwayat Tirmidzi)

Allah juga hanya menguji orang yang dikasihi-Nya atau yang mahu diberikan peluang untuk mereka beramal manakala orang-orang yang kafir dibiarkan dan tidak dipedulikan oleh Allah SWT sebaliknya ditangguhkan balasan ke atas kesalahan-kesalahan mereka agar dihukum di hari akhirat dengan hukuman yang berat. Sedangkan orang yang beriman akan diuji sehingga dosa dan kesalahan mereka terhapus lalu dibangkitkan pada hari akhirat dengan keadaan suci bersih dari dosa.

“ Para nabi dan rasul tidak pernah sunyi dari ujian dan dugaan dalam menelusuri jalan dakwah. Ujian yang Allah turunkan adalah ruang untuk kita menginsafi serta bermuhasabah diri.”

“Allah datangkan ujian sebagai tanda Dia peduli tentang hamba-Nya.”

“Hamba yang beriman, saat diuji makin dekat dirinya dengan Sang Pencipta.”

KHABAR GEMBIRA UNTUK ORANG SABAR

Firman Allah lagi dalam Surah Al-Baqarah ayat 155:
“Dan sungguh akan Kami memberikan ujian kepadamu, dengan sedikit ketakutan, kelaparan, kekurangan harta, jiwa dan buah-buahan. Dan berikanlah berita gembira kepada orang-orang yang sabar.”

Manakala ujian yang kedua pula memberikan musibah dan penyebab kepada kehancurannya di dunia dan di hari akhirat. Iaitu ujian yang berbentuk menjauhkan seseorang daripada agama dan mengeluarkannya daripada jalan Allah. Mudah-mudahan kita dijauhkan daripada ujian yang sebegini.

Firman Allah dalam Surah An-Namlu ayat 47:
“Mereka berkata: “Kami mendapat nasib yang malang, disebabkan kamu dan orang-orang yang bersamamu.” (Nabi) Soleh berkata: “Nasibmu adalah dari sisi Allah, (bukan kami yang menjadi sebab), tetapi kamu adalah kaum yang diuji”.

MANUSIA DIUJI MENGIKUT KEMAMPUAN

Selain perlu redha dan sabar menghadapi semua ujian Allah kita juga perlu sedar bahawa Allah SWT menguji hamba-Nya mengikut kadar kemampuan kita. Setiap ujian yang kita hadapi adalah mengikut kadar kekuatan dan kemampuan kita menghadapinya. Ini merupakan janji Allah SWT dalam Surah Al-Talaq ayat 7:

"...Allah tidak memberati seseorang melainkan sesuai dengan (kekuatan) yang diberikan Allah kepadanya..."

Ini menunjukkan semua ujian yang Allah turunkan kepada kita pasti ada jalan dan cara untuk diselesaikan oleh kita. Ini kerana ianya diturunkan mengikut kekuatan kita menghadapi ujian dan masalah-masalah tersebut. Ini menunjukkan kehebatan dan kasih sayang Allah SWT terhadap hamba-Nya.

BERSANGKA BAIK

Setiap ujian dan masalah sudah dijanjikan penamatnya asalkan kita menggunakan segenap usaha, akal dan fikiran untuk menyelesaikannya. Oleh itu marilah kita bersangka baik bahawa semua ujian yang kita hadapi sepanjang kehidupan kita adalah satu fitrah yang perlu kita hadapi hinggalah ke akhir hayat kita. Yakinlah setiap ujian yang mampu kita hadapi tersembunyi pelbagai hikmah yang menanti di penghujungnya. Ujian juga merupakan tanda Allah masih mengingati dan memandang akan kewujudan kita sebagai hamba-Nya.

CIPTALAH
SERIBU SATU SANGKA BAIK
KAMU KEPADA ALLAH
SETIAP APA YANG DIA BAGI
PASTI
BERHIKMAH
@pendakwahligien

Berbaik Sangka

Hai orang-orang yang beriman, jauhilah kebanyakan berprasangka, karena sesungguhnya sebagian tindakan berprasangka adalah dosa dan janganlah kamu mencari-cari kesalahan orang lain.
[QS. Al-Hujurat: 12]


Kerana Allah tahu kita tak kuat, maka Dia sengaja beri kita kesusahan, untuk kuatkan kita. Umpama pedang takkan mampu menjadi tajam membunuh andai tidak dilebur, diasah dan diketuk. Sangka baik dengan Allah.

TheTarbiyyah

LANGKAH SERIBU MAKNA

AINUL FARHAAN BINTI HARUN

Beberapa kali skrin telefon saya sentuh pada ruangan kalendar, menelek tarikh sambil mencongak minggu kuliah pelajar. Setelah beberapa ketika, keputusan dibuat dan kursor pada paparan skrin komputer terus ligat memilih harga tiket yang berbaloi dan mampu milik.



Ya, tempahan tiket pergi – balik lebih mudah, getus hati kecil. Biar segalanya tersusun dan teratur, sekurangnya – kurang nanti tahu masa yang sepatutnya untuk tiba di lapangan terbang. Otak terus ligat berfikir, tarikh mana yang sesuai.. agar tidaklah terlalu sesak dengan pelancong lain, menjadikan percutian kami akan lebih selesa. Selesai menekan tarikh dan berpuas hati dengan harga, terus terpapar di skrin *Proceed to payment?*.. dengan penuh yakin butang *confirm* ditekan dan tiket penerbangan untuk ke destinasi kini siap ditempah melalui agen pelancongan. Hilang satu beban dan kini hasrat untuk ke bumi Kashmir kian hampir, ada sedikit garis senyuman pada wajah saya.

Kami memilih untuk merasai kesejukan dan indahnyanya pemandangan salji memutih.



Kami berkira – kira ingin membeli *simcard* untuk memudahkan kami menghubungi Husna (pemandu pelancong rakyat Malaysia) sebagai langkah penyelesaian terakhir.

Setelah beberapa kali kami berulang alik di dalam kawasan lapangan terbang, mata saya tertangkap pada seorang wanita yang melambai – lambai dari cermin, Ya Allah, orang Malaysia.. tentu Husna". Hanya Allah yang tahu leganya, senyuman mula terbit di wajah. Ya... Husna juga tidak menjangkakan bahawa mereka dilarang masuk ke kawasan lapangan terbang jika tiada tiket penerbangan.

Mengapa Kashmir?. Saya sangat terkesan dengan sajian panorama indah dalam filem hindustan *Bajrangi Baijan*, yang dilakonkan oleh si gadis manis Munni @ Shahida dan Salman Khan sangat meninggalkan kesan. Lokasi penggambaran filem menyentuh hati itu sangat mempersonakan hati hingga menyebabkan saya menyimpan angan untuk ke sana.

Perjalanan dari Kuala Lumpur ke India mengambil masa hampir lima jam. Perjalanan yang panjang dan membosankan itu berakhir dan kami selamat menjejakkan kaki di Lapangan Terbang Indra Gandhi, India. Bumi yang sangat asing buat kami. Angin dingin dan nyaman terus menerpa di pipi, memberikan rasa yang sangat mendamaikan. Saya melirik jam pada telefon bimbit, yang menunjukkan pukul 10 malam waktu India (perbezaan 2 jam dengan waktu Malaysia).

Rasa angin yang nyaman tadi seakan – akan mula hilang, saya kian gelisah tatkala sosok tubuh pemandu pelancong yang akan menjadi teman sepanjang percutian kali ini tidak kelihatan. Agak mencabar jika hanya berbekalkan beberapa keping gambar pada *facebook* sahaja. Lapangan terbang Indira Gandhi lengang, kerana berbeza dengan Malaysia, hanya pelancong atau individu yang terlibat sahaja dibenarkan masuk ke kawasan lapangan terbang, ahli keluarga yang tidak terlibat hanya boleh berada di luar kawasan tersebut.



Kami berborak seakan sudah lama kenal, bila di bumi orang, semua rakyat Malaysia bagaikan saudara saya rasa... perjalanan ke Kashmir akan diteruskan keesokan harinya jam 7 pagi, Ya.. kami akan 'bermalam' di lapangan terbang buat pertama kalinya. Transit selama 8 jam pengalaman pertama buat kami, tiada sajian keselesaan atau selimut yang menemani kami, walaupun badan sangat letih, namun kesesakan dan kebingitan malam yang seakan tidak tidur itu menyebabkan saya hanya mampu melelapkan mata sepicing sahaja. Jam bagaikan terlalu lambat berputar. Sekitar jam 5 pagi, barulah kami melalui proses *check in* bagasi untuk ke lapangan Terbang Srinagar, Kashmir.

Alhamdulillah, selepas selesai proses tersebut kami menuju ke surau yang sangat luas dan selesa yang membolehkan kami sambung melelapkan mata dengan lebih tenang. Suasana sunyi dan pendingin hawa cukup menjadi pakej lengkap tidur nyenyak kami.



"Kashmir yang dianggap syurga dunia ini terbahagi kepada 3 pentadbiran negara berbeza iaitu India, Pakistan dan China. Kawasan pergunungan dengan 4 musim sangat mempersonakan. Anugerah dari Allah buat bumi Kashmir"



Perjalanan dari Indira Gandhi ke Srinagar hanya memakan masa 1 jam 30 minit sahaja. Kira – kira jam 9 pagi kami tiba di bumi Kashmir. Sejuknya seakan menggigil. Suasana masih berkabus dan ada rintik – rintik hujan menambahkan lagi kedinginannya hingga ke tulang. Mata saya melirik pada Zahraa, mujurlah ada *cardigan* dan *shawl* yang boleh menjadi pemanas badan buat tubuh si kecil itu. Kami disapa oleh seorang lelaki, wajahnya putih, berhidung mancung dan berjambang, persis lelaki Arab. Dia lantas memperkenalkan diri sebagai Ahmad Jelani @ AJ, yang akan menjadi pemandu pelancong kami sepanjang di Kashmir.



Kashmiri (gelaran untuk orang Kashmir) kebanyakan beragama Islam dan wajah mereka sangat mirip orang Arab dan campuran hindustan, sangat cantik di mata saya. Ditambah pula dengan suasana sejuk dan bersalji, pipi anak – anak kecil kemerahan, seakan tempekan *blusher* yang sangat mempersonakan.

Setelah melepaskan lelah semalaman di *houseboat* diteruskan dengan perjalanan percutian kami diteruskan ke Pahalgm. Perjalanan yang mengambil masa selama hampir 2 jam itu, disajikan dengan salji memutih di kiri dan kanan jalan. Sejuknya hingga ke tulang, *heater* yang disediakan dalam kereta pacuan empat roda seakan tidak banyak membantu, saya lantas merindui kepanasan bumi Malaysia dan Perlis. Itulah manusia, sesuatu itu akan menjadi sangat berharga sekiranya tiada lagi. Saya bermonolog sendirian, lebih kepada bermuhasabah diri untuk sentiasa bersyukur dan menghargai apa yang ada di sekeliling kita.

Saya cuba menghilangkan kesejukan dengan menikmati pemandangan dan lukisan alam ciptaan Allah yang sangat indah. “ Subhanallah indah ciptaan dan kurniaan Allah buat bumi Kashmir ”. Sepanjang jalan ke kawasan pergunungan kami dapat melihat bumbung rumah yang diseliputi salji tebal. Anak – anak Kashmir kini baru memulai persekolahan setelah cuti yang panjang, kata AJ kepada kami. “Cantik sungguh salji dan suasana nyaman di sini, sedikit kehijauan sungai dan kebiruan langit serta putihnya salji kombinasi potret ciptaan Allah paling indah”. Sekitar rumah penduduk Kashmir terdapat pokok epal kata AJ, tapi disebabkan salji tebal, pokok – pokok tidak berbuah. Di suatu sudut, saya melihat anak gadis kecil bersama ibu mereka berjalan ke sekolah.



“Sister, musim sejuk adalah fasa paling mencabar para ibu Kashmir (panggilan untuk orang Kashmir), mereka perlu memanaskan air persediaan anak – anak ke sekolah dan mencari kayu – kayu api dengan lebih banyak untuk tujuan memanaskan badan. Banyak pekerjaan akan sedikit tergendala kerana pertanian yang merupakan sumber utama kami. Panjang lebar cerita AJ untuk kami. Indah untuk kita menikmati suasana salji, hingga sanggup terbang 5 jam dan transit yang panjang, demi merasai pengalaman tersebut. Namun tidak indah untuk insan lain, fikir saya. Namun kita dan mereka terus positif dengan kehidupan yang direncanakan atas nama sebagai hamba Allah yang akan sentiasa menerima sesuatu dengan penuh redha dan terbuka.

Lipatan memori hari ini memberi saya bukan sekadar potret indah Maha Esa, namun menjentik minda untuk terus positif dan bersyukur apa yang Allah tetapkan untuk kita. Allah datangkan kita panas dan kadang – kala hujan untuk kita lihat warna indah pelangi. Allah berikan salji memutih pada bumi Kashmir diikuti dengan musim bunga yang akan muncul beberapa minggu lagi. Maka akan muncul warna – warna indah bunga yang kembang bersinar seindah lakaran senyum warga Kashmir kerana tiada lagi kesejukan yang membalut diri.

Hari berikutnya kami meneruskan perjalanan ke Gulmarg lokasi yang sangat sinonim untuk peluncur profesional. Allah izinkan kami merasai ‘*snowfall*’ dan kesejukan yang amat hebat kami rasakan hingga lima lapis pakaian tebal sebagai perisai seakan tidak banyak membantu. Salji terus turun lebat sehingga Zahraa menggigil kesejukan. Saya mula risau. Pekerja restoran lantas mendukung Zahraa dan segera memasukkan kayu api untuk memanaskan badan kami. Rasa simpati mereka sangat mengharukan kami. Saya bersyukur didatangkan dengan insan – insan mulia sepanjang percutian kali ini.

Walaupun hasrat untuk menikmati hidangan tengahari dengan sajian panorama salji memutih terpaksa dibatalkan namun kombinasi menu maggi masala, *Kashmiri Chicken Palaou* dan coklat panas sangat menyelerakan. Keramahan pekerja di situ sangat membuat hati kami terpaut pada Kashmir seperti mana terpautnya lidah kami pada keenakan masakan di sana. Satu lagi cerita menarik yang saya simpan kemas dalam diari perjalanan hidup, sentiasa membantu insan lain dan menyebarkan kasih sayang. Pertolongan yang sekecil mana sekalipun akan memberi erti besar buat orang yang memerlukan.

Sonamarg adalah destinasi terakhir kami sebelum pulang ke tanah air. Benar sekali pepatah “hujan emas di negeri orang, hujan batu di negeri sendiri, lebih baik negeri sendiri”. Saat ini saya mula merasai kebenaran kata – kata ini. Kami mula rindu pada keenakan nasi lemak dan char kuey teow, terik dan panas mentari Malaysia. Aktiviti seperti menaiki sledge, bermain ski dan ‘*poney ride*’ antara yang kami lakukan sebagai pengalaman sepanjang berada di situ. Harga yang dikenakan amat rendah berbanding di Gulmarg. Sisi indah Sonamarg pada kehijauan sungai yang mengalir di bawah jambatan, diserikan lagi dengan salju memutih pada bumbung – bumbung hotel dan keramahan penduduk yang sentiasa memberi salam saat bertembung dengan kami.

Kami seakan asyik dengan keindahan panorama indah itu, di dalam kesejukan, sempat juga menghabiskan masa hampir 2 jam membina ‘*olaf*’ bersama – sama. Perjalanan yang panjang hari itu memberikan lena yang sangat nyenyak dan nikmat buat kami dan nyatanya esok adalah hari yang kami sangat nantikan....

Pada musim sejuk, hotel – hotel akan menyediakan *heater* dan *warm blanket* kepada para pelanggan mereka dan hanya akan berfungsi untuk waktu – waktu yang ditetapkan sahaja. Subuh yang syahdu dengan suara azan berkumandang, saya telah bersiap sedia untuk pulang ke tanah air. Buah – buahan pemberian Mr. Basheer semasa di *houseboat* dan anggur segar yang kami beli saya bungkuskan buat kudapan di lapangan terbang nanti.



Urusan di Lapangan Terbang Srinagar berjalan lancar dengan dibantu oleh seorang pemuda Kashmir. Lambaian dan salam terakhir kami dengan Husna dan AJ juga mengiringi percutian kali ini. Penerbangan yang mengambil masa 1 jam 15 minit ke Lapangan Terbang Indira Gandhi berjalan lancar. Jam kini menunjukkan waktu solat hampir tamat, kami bergegas berwudhuk dan dek kerana kesuntukan itu, saya hanya solat di kawasan lapang suatu sudut sunyi untuk menunaikan kewajipan kepada Yang maha Esa. Perjalanan kami seterusnya kira – kira jam 8 malam. Hati melonjak – lonjak tidak sabar untuk menghirup udara bumi bertuah Malaysia. Seusai solat jamak takdim, kami sekeluarga terus ke balai menunggu. Sambil menjamu mata melihat pelbagai karenah manusia yang tidak pernah putus.

Sedang dalam keasyikan melayan rasa sambil mata melayan momen – momen indah yang dirakamkan sepanjang percutian, saya tersedar seorang pekerja syarikat penerbangan seakan memanggil sambil melambai ke arah kami. Penumpang ‘*hot seat*’ mula mengambil tempat di barisan VIP. Saya membiarkan lambaian tersebut menyangkakan ianya untuk orang lain. Beberapa ketika, pekerja tersebut datang dan meminta kami berbaris di hadapan kerana Zahraa masih kecil katanya. Ooohhh, kerana ihsan kepada anak kecil ini, kami turut sama merasai tempasnya. Nampak tak? Kadang – kadang kita ‘*menumpang tuah*’ hanya pada anak kecil. Mudahnya jalan kita pada hari ini bukan atas dasar kita yang hebat, tetapi mungkin disebabkan orang di sekeliling yang banyak membantu. Saya cuba bermuhasabah diri, menjadikan sekecil perkara yang berlaku sepanjang percutian sebagai ibrah yang mahal harganya.

“Welcome to Malaysia, We are safely arrived. Please enjoy staying here” Sangat indah sekali kata – kata itu di cuping telinga saya. Syukur selamat tiba di bumi Malaysia. “Umi.... nak ayam kicap”... saya tersenyum, Ya biarlah bukan hujan emas di bumi lain, namun Malaysia tetap di hati. Saya bermuhasabah.



JUN,
2019

PROGRAM IHYA' RAMADHAN
2019 / 1440 H



Unit Pendidikan Islam dan Moral, Jabatan Pengajian Am telah melaksanakan pelbagai aktiviti kerohanian sepanjang Ramadhan yang bertujuan mengimarah serta menghidupkan bulan yang penuh berkat tersebut. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah Ceramah Istiqbal Ramadhan yang disampaikan oleh Ustaz Sheikh Mohd Mohib Khouli Nazem. Selain itu, Majlis Tadarus Al-Quran Perdana turut dijalankan melibatkan semua staf Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin. Manakala Bengkel Celik Al-Quran yang diadakan khusus untuk anak – anak staf politeknik mendapat sambutan yang sangat menggalakkan. Melalui program dan bengkel ini, anak – anak didedahkan dengan bacaan al-Quran yang merangkumi makhraj huruf, soal jawab berkaitan al-Quran serta kisah – kisah yang terdapat dalam al-Quran. Ini bertujuan menarik minat anak – anak terhadap kalam suci tersebut. Program Infaq Ramadhan turut dilaksanakan bertujuan memberi sumbangan tanda ingatan dan perkongsian rezeki dengan mereka yang lebih memerlukan.



Kursus Pengurusan Jenazah

OGOS
2019

Kursus pengurusan jenazah telah diadakan pada hari Sabtu 03.08.2019 jam 8.00 pagi hingga 1.00 tengahari anjuran Masjid Al-Mursyid Guring Pauh, Perlis dengan kerjasama Unit Pendidikan Islam dan Moral, JPA, PTSS. Peserta kursus terdiri daripada anak-anak kariah Masjid Al-Mursyid Guring Pauh dan para pelajar Kelab Study Circle PTSS. Pengisian kursus telah disampaikan oleh Ustaz Hasminuddin bin Hashim. Sesi praktikal dikendalikan oleh fasilitator yang terdiri daripada para pensyarah Jabatan Pengajian Am.



FAQEH 2019



Festival Quran dihatiku (FAQEH 2.0) 2019 telah berlangsung di Politeknik Mersing, Johor pada 5-8 Ogos 2019. Acara ini diadakan bertujuan untuk memberi peluang kepada pelajar-pelajar politeknik Malaysia menguji bacaan al-Quran berlagu dan kemahiran menghafaz al-Quran demi membudayakan al-Quran dalam kehidupan. Seramai empat orang peserta mewakili PTSS ke pertandingan ini. Muhammad Fitri bin Adnan yang mewakili PTSS dalam pertandingan hafazan telah dinobatkan sebagai johan hafazan kategori lelaki, manakala bagi kategori perempuan turut tersenarai dalam tujuh tangga teratas. Bagi acara tilawah kategori perempuan turut tersenarai dalam lima tangga teratas.





Program I-Comfest

Program Islamic Communication Festival (I-Comfest) telah diadakan pada hari Sabtu 24.08.2019 jam 5.00 pagi hingga 1.00 tengahari bertempat di sekitar padang PTSS, Pusat Sukan dan Pusat Islam. Program ini melibatkan semua pelajar semester 5 yang mengambil kursus Komunikasi dan Penyiaran Islam. Antara aktiviti yang diadakan ialah qiyamullail, bicara santai, ceramah motivasi, jualan amal, bual bicara bersama Da'i Wan, CSR gotong-royong Pusat Islam dan beberapa pertandingan yang dikelolakan oleh para pelajar seperti futsal, bola sepak, badminton, sukaneka dan memanah. Selain itu, pertandingan poster terbaik hasil rekaan pelajar kelas terlibat turut diadakan bagi memeriahkan lagi acara. Program ini turut mendapat sambutan penyertaan dari pelajar-pelajar PTSS.

Penganjuran I-Comfest bertujuan mendedahkan para pelajar kepada kemahiran komunikasi yang efektif dan selari dengan syariat Islam.

